



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 59  
No. 7

**31hb Mac 2016**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

---

## RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang berikut yang akan dibentangkan dalam Dewan Negeri Perlis adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bills about to be introduced in the Legislative Assembly of the State of Perlis are published for general information:

	Muka Surat Page
Enakmen Yayasan Islam Perlis (Pindaan) 2016	3
Yayasan Islam Perlis (Amendment) Enactment 2016	5
Enakmen Perbekalan Tambahan Yang Pertama (2015) Tahun 2016	7
First Supplementary Supply (2015) Enactment 2016	9

---

---

RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Yayasan Islam Perlis 1987.

[ ]

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI** oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Yayasan Islam Perlis (Pindaan) 2016.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 2**

2. Enakmen Yayasan Islam Perlis 1987 [*Enakmen Bil. 4 Tahun 1987*] yang disebut ‘Enakmen ibu’ dalam Enakmen ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dalam takrif “Majlis” dengan menggantikan perkataan “seksyen 4 Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1963” dengan perkataan “subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 [*Enakmen 4*]”; dan

2 *Rang Undang-Undang*

- (b) dalam takrif “Sekolah Agama” dengan menggantikan perkataan “Undang-Undang Pertadbiran Agama Islam Perlis 1963” dengan perkataan “Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006”.

**Pindaan seksyen 7**

3. Perenggan 7(1)(f), Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Yang Dipertua” dengan perkataan “Setiausaha”.

**Pindaan seksyen 16**

4. Subseksyen 16(2), Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Raja dalam Mesyuarat” dengan perkataan “Lembaga”.

—  
HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Enakmen Yayasan Islam Perlis 1987 [*Enakmen Bil. 4 tahun 1987*].

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 *Enakmen Bil. 4 Tahun 1987* berhubung dengan takrif “Majlis” dan “Sekolah Agama”.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda perenggan 7(1)(f) *Enakmen Bil. 4 Tahun 1987* mengenai pelantikan anggota Lembaga.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda perenggan 16(2) *Enakmen Bil. 4 tahun 1987* mengenai kuasa pelantikan ahli Majlis Pengajian

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

**KANGAR**

Bertarikh 31 Mac 2016

[YIPs.(SULIT) 014/013; PUN.Ps. 0038; SUK.Ps. 05/439]

WAN JEFFRY BIN KASSIM  
*Penasihat Undang-Undang Negeri  
Perlis*

A BILL

*i n t i t u l e d*

An Enactment to amend the Yayasan Islam Perlis Enactment 1987.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Perlis as follows:

**Short title and commencement**

**1.** (1) This Enactment may be cited as the Yayasan Islam Perlis (Amendment) Enactment 2016.

(2) This Enactment shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

**Amendment of section 2**

**2.** The Yayasan Islam Perlis Enactment 1987 [*Enactment No. 4 of 1987*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended in section 2—

(a) in the definition of “Majlis” by substituting for the words “section 4 of the Administration of Muslim Law Enactment 1963” the words “subsection 4(1) of the Administration of the Religion of Islam Enactment 2006 [Enactment 4]”.

2

*Bill*

(b) in the definition of “Religious School” by substituting for the words “Administration of Muslim Law Enactment 1963” the words “Administration of the Religion of Islam Enactment 2006”.

**Amendment of section 7**

3. Paragraph 7(1)(f) of the principal Enactment is amended by substituting for the words “The Yang Dipertua” the word “Secretary”.

**Amendment of section 16**

4. Subsection 16(2), of the principal Enactment is amended by substituting for the words “Ruler in Council” the word “Board”.

---

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to amend the Yayasan Islam Perlis Enactment 1987 “*Enactment No. 4 of 1987*”.

2. *Clause 1* contains the short title and the provision on the commencement of the proposed Enactment.

3. *Clause 2* seeks to amend section 2 of *Enactment No. 4 of 1987* relating to the definitions of “Majlis” and “Religious School”.

4. *Clause 3* seeks to amend paragraph 7(1)(f) of *Enactment No. 4 of 1987* relating the appointment of the member of the Board.

5. *Clause 4* seeks to amend subsection 16(2) of *Enactment No. 4 of 1987* relating to power to appoint the members of the Academic Council.

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will not involve the State Government in any extra financial expenditure.

KANGAR

Dated 31 March 2016

[YIPs.(SULIT) 014/013; PUN.Ps. 0038; SUK.Ps. 05/439]

WAN JEFFRY BIN KASSIM  
*State Legal Adviser*  
*Perlis*

---

---

RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2015 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud tertentu bagi tahun itu.

[ ]

**BAHAWASANYA** wang sebanyak Ringgit Malaysia Seratus Enam Puluh Empat Juta Dua Puluh Tiga Ribu Seratus Enam Puluh Sahaja (RM164,023,160.00) telah diperuntukkan oleh Enakmen Perbekalan 2015 bagi perkhidmatan tahun 2015.

**DAN BAHAWASANYA** sekarang perlulah dibuat satu lagi peruntukan wang sebanyak Ringgit Malaysia Dua Juta Seratus Sepuluh Ribu Sembilan Ratus Tiga Puluh Lima Sahaja (RM2,110,935.00) bagi menampung perbelanjaan tambahan perkhidmatan tahun 2015.

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI** oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas**

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Yang Pertama (2015) Tahun 2016.

2 *Rang Undang-Undang***Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2015**

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Juta Seratus Sepuluh Ribu Sembilan Ratus Tiga Puluh Lima Sahaja (RM2,110,935.00) daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri bagi perbelanjaan tambahan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2015 yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Enakmen Perbekalan 2015 [*Enakmen A39*].

## JADUAL

Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
B09 ...	Jabatan Kerja Raya	350,000.00
B12 ...	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	443,135.00
B15 ...	Jabatan Kebajikan Masyarakat	745,000.00
B16 ...	Pejabat Hal Ehwal Agama Islam	34,000.00
B25 ...	Jabatan Tanah dan Galian	538,800.00
	JUMLAH	<u>2,110,935.00</u>

## HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi kuasa undang-undang seperti yang dikehendaki oleh Perkara 70 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis untuk membenarkan perbelanjaan-perbelanjaan tambahan tertentu bagi perkhidmatan awam Negeri di dalam tahun 2015 yang melebihi perbelanjaan yang telah dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan Tahun 2015 [*Enakmen A39*].

KANGAR, PERLIS  
Bertarikh 31 Mac 2016  
[PUN.Ps. 04/37 Jld. 2]

WAN JEFFRY BIN KASSIM  
*Penasihat Undang-Undang Negeri  
Perlis*

A BILL

*i n t i t u l e d*

An Enactment to apply a sum from the Consolidated Fund of the State for additional expenditure for the service of the year 2015 and to appropriate that sum for certain purpose for that year.

[ ]

**WHEREAS** the sum of Ringgit Malaysia One Hundred Sixty Four Million Twenty Three Thousand One Hundred Sixty (RM164,023,160.00) has been provided by the Supply Enactment 2015 for the service of the year 2015.

**AND WHEREAS** it is now requisite that a further provision of a sum of Ringgit Malaysia Two Million One Hundred and Ten Thousand nine Hundred Thirty Five (RM2,110,935.00) be made for additional expenditure for the service of the year 2015.

**ENACTED** by the Legislature of the State of Perlis as follows:

**Short title**

1. This Enactment may be cited as the First Supplementary Supply (2015) Enactment 2016.



2 *Bill***Additional expenditure for the year 2015**

2. The issue is hereby authorized of a sum not exceeding Ringgit Malaysia Two Million One Hundred and Ten Thousand Nine Hundred Thirty Five (RM2,110,935.00) from the Consolidated Fund of the State for additional expenditure and purpose specified in the Schedule for the year 2015 not provided for or not fully provided for by the Supply Enactment 2015 [*Enactment A39*].

## SCHEDULE

Purpose	Title	Amount
		(RM)
B09 ...	Public Works Department	350,000.00
B12 ...	Veterinary Services Department	443,135.00
B15 ...	Social Welfare Department	745,000.00
B16 ...	Islamic Religious Affairs Department	34,000.00
B25 ...	Land and Mines Department	538,800.00
	TOTAL	<u>2,110,935.00</u>

## EXPLANATORY STATEMENT

The purpose of this Bill is to give statutory authority required by Article 70 of the Laws of the Constitution of Perlis for certain additional payment for the State public services in the year 2015 in excess of the expenditure sanctioned by the Supply Enactment 2015 [*Enactment A39*].

KANGAR, PERLIS  
Dated 31 March 2016  
[PUN.Ps. 04/37 Jld.2]

WAN JEFFRY BIN KASSIM  
*State Legal Adviser*  
*Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA